

11 JUN 2000

Ling-Pas/I

MASYARAKAT CINA AKAN TERUS SOKONG BN, DR LING

GENTING HIGHLANDS, 11 Jun (Bernama) -- MCA yakin masyarakat Cina akan terus menyokong Barisan Nasional kerana mereka yakin dan percaya di dalam kepimpinan BN yang bersikap adil dan saksama terhadap semua kaum di negara ini, kata presidennya Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Beliau berkata masyarakat Cina mempunyai keyakinan terhadap kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana kebolehan, pengalaman dan sikapnya yang adil terhadap semua kaum.

"Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada beliau kerana langkahnya membawa negara ini keluar daripada kemelut ekonomi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan MCA Pahang di sini hari ini.

Beliau juga berkata kerjasama erat di antara MCA dan masyarakat Cina menerusi pelbagai persatuan juga menjadi faktor penting yang membolehkan MCA mencapai kejayaan pada pilihan raya umum lepas.

Dr Ling berkata kaum Cina tidak akan mengorbankan undi mereka kepada pembangkang terutamanya Pas kerana usaha parti itu untuk menubuhkan sebuah negara Islam.

Pilihan raya umum lalu menunjukkan bahawa kaum Cina terutamanya di Pahang mengundi BN kerana mereka mahu menolak rancangan Pas membentuk sebuah negara Islam, katanya ketika ditanya mengenai strategi Pas untuk menawan Pahang pada pilihan raya umum yang akan datang berikutan kejayaannya menguasai Terengganu pada pilihan raya umum lepas.

"Di dalam pakatan pembangkang, hanya Pas merupakan parti yang dominan yang boleh berbuat apa sahaja yang ia hajati tanpa mengira pandangan parti lain. Kita harus memaklumkan perkara ini kepada umum khususnya masyarakat Cina," katanya.

Dr Ling, yang juga Menteri Pengangkutan, berkata hubungan erat MCA Pahang di peringkat akar umbi akan membolehkan parti itu menghalang Pas daripada mengalahkan BN di negeri itu pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata MCA akan memainkan peranan di dalam memastikan BN terus memerintah Pahang.

Dalam ucapannya, Dr Ling menggesa anggota MCA supaya melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan mengenai teknologi maklumat yang akan memainkan peranan yang penting di masa hadapan.

-- BERNAMA

ARA AKD